

22 NOV 1999

PEMBANGKANG GUNA ISU PERIBADI, KATA CALON PARLIMEN TEMERLOH

TEMERLOH, 22 Nov (Bernama) -- Calon Barisan Nasional Parlimen Temerloh Datuk Sarit Yusoh hari ini berkata parti pembangkang menggunakan isu peribadi bagi mempengaruhi pengundi-pengundi pada pilihan raya umum 29 Nov ini.

Bekas setiausaha politik bekas timbalan perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim itu berkata beliau dituduh parti pembangkang sebagai kacang lupakan kulit.

Menurut Sarit, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukannya seorang pendendam dan sebelum ini beliau sendiri tidak yakin diberi peluang bertanding dalam pilihan raya kali ini.

Katanya, beliau tidak akan mengorbankan nasib kira-kira 16,000 penduduk di Temerloh semata-mata kerana individu.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan perjumpaan dengan penduduk Kampung Bukit Kelulut di sini.

Sarit, Timbalan Ketua Umno Bahagian Temerloh dinamakan sebagai calon BN di kawasan itu menggantikan tempat bekas Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik.

Pada pilihan raya 1995 lepas, beliau memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Semantan.

-- BERNAMA

ZY RHM